



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**MEKANIK KENDERAAN (E.2-3 EB.4)
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA,
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



MEKANIK KENDERAAN
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA,
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
E.2-3 EB.4 (\$590 - \$875 EB KHAS \$895 - \$975 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC National Trade Certificate Grade 3 (NTC3) / BDTVEC National Vocational Certificate (NVC)* atau sebanding dalam bidang Automotif / Mekanikal atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Mempunyai Lesen Memandu Kelas 3 yang sah dan tidak mansuh.
 3. Mengetahui serta berkebolehan dalam tugas-tugas membaik pulih kerosakan kenderaan / jentera berat dan ringan tanpa pengawasan merupakan satu kelebihan.
 4. Mengenali serta tahu menggunakan jenis-jenis kelengkapan, peralatan serta perkakas (*tools*) woksyp dan mekanik kenderaan.
 5. Mengetahui teknik serta tatacara penyelesaian masalah (*troubleshooting*) jenis-jenis kerosakan teknikal yang terjadi pada kenderaan.
 6. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menyedia, menyelenggara dan memastikan kesemua kenderaan / kelengkapan / jentera *Ground Support Equipment (GSE)* boleh guna (*Serviceable*) dalam apa jua keadaan pada setiap masa diperlukan;
2. Memandu / mengendalikan (*operating & handling*) kesemua kenderaan / jentera *Ground Support Equipment (GSE)*, Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia;
3. Menyelenggarakan kerja-kerja pemeliharaan serta membaik pulih kesemua jenis kerosakan kenderaan / kelengkapan / jentera *Ground Support Equipment (GSE)* mengikut standard perkhidmatan pemeliharaan dan pembaikan (*repair & maintenance service*); dan
4. Membantu menyelenggara serta mengamalkan aspek-aspek keselamatan dan kesihatan (*health & safety*) persekitaran tempat kerja, peralatan kerja dan pejabat, kenderaan / kelengkapan / jentera *Ground Support Equipment (GSE)* dan juga harta benda yang di bawah kawalan Unit Mekanikal *Ground Support Equipment (GSE)* sebagai satu budaya kerja harian.